

Paradigma baru tingkat budaya kerja

BH 1.5.2007 MS10

Kakitangan awam mesti tunjukkan kualiti untuk kikis 'trademark' negatif



Oleh Jami'ah Shukri

? APAKAH makna Hari Pekerja yang disambut hari ini, kepada warga pekerja dari sudut pandangan Cuepacs


Hari Pekerja adalah suatu hari yang pekerja sektor awam harus mengimbas kembali peranan mereka terhadap sumbangan kepada negara. Ia bukan sekadar satu sambutan cuti umum seperti hari biasa, sebaliknya mereka perlu memahami dan menghayati pengiktirafan kerajaan atas sumbangan mereka. Selain itu, mereka perlu melihat semula semua aspek, iaitu adakah mereka sudah mempunyai pengetahuan, pengalaman dan kualiti kerja yang terbaik.

Setiap tahun, sejak 1972, kita menyambut dan merayakan Hari Pekerja. Dalam tempoh itu memperlihatkan kematangan terhadap peranan kita dalam membantu memajukan negara dari setahun ke setahun. Malah, budaya kerja lebih maju dengan

nya integriti itu perlu diserap untuk merealisasikan sesebuah negara mencapai lebih cemerlang, gemilang dan terbilang.

Ciri integriti yang merangkumi sikap bertanggungjawab, jujur, amanah, berkualiti dan penerapan modal insan terbaik mampu mewujudkan sebuah pasukan pekerja lebih mantap dan berdaya saing serta kunci kepada kejayaan bagi memperkasakan pembangunan negara. Ini sekali gus dapat menjadikan Malaysia sebuah negara maju seperti disasarkan dalam matlamat Wawasan 2020.

Tema itu juga bersesuaian dengan sambutan ulang tahun kemerdekaan negara ke-50 tahun ini. Semangat integriti itu amat penting dan menjadi teras kepada pembangunan negara. Sektor awam kerap dikaitkan dengan amalan rasuah berikutan faktor tertentu. Bagaimanapun, kerajaan kini begitu tegas dan memberi perhatian terhadap isu rasuah dan mahu semua kakitangannya bebas daripada gejala berkenaan yang dianggap musuh kepada produktiviti dan kualiti kerja. Jika dilihat senario sebelum ini, semangat integriti tidak begitu diberi penekanan, longgar dan tidak mantap di kalangan pekerja sektor awam sehingga menimbulkan satu 'trademark' kurang elok seperti kerap dikaitkan dengan rasuah dan budaya kerja yang tidak



supaya pelbagai tuntutan kita dapat dilunaskan.

Dalam sambutan itu diharapkan supaya ada satu pengumuman terbaik sebagai satu hadiah istimewa dan penghargaan pihak kerajaan untuk pekerja. Dua tuntutan yang menjadi keutamaan dan amat mendesak sekarang ialah mengenai kenaikan gaji sekurang-kurangnya 40 peratus dan lanjutan umur pesara wajib. Kedua-dua tuntutan itu dianggap seiring. Pekerja boleh merancang lebih jauh terhadap masa depan mereka.

Kita percaya jika tuntutan gaji itu dipersetujui sudah pasti akan memberikan harapan dan suntikan semangat baru kepada warga kerja kita kerana tangga gaji yang diterima sekarang terutama peringkat kumpulan bawahan terlalu rendah dan tidak sesuai lagi dengan arus pembangunan negara sekarang.

Dulu kita jarang dengar ada pekerja sektor awam melakukan kerja sambilan seperti membawa teksi, tetapi sekarang ramai kakitangan awam yang melakukannya untuk menambah gaji dan menampung perbelanjaan harian yang semakin mahal. Setakat ini, berdasarkan perbincangan dan perundingan dengan pihak kerajaan dan perbahasan Ahli Parlimen di Dewan Rakyat akan memberikan satu gambaran positif

Malah, budaya kerja lebih maju dengan dilengkapi sistem canggih, teknologi maklumat dan komunikasi (ITC) di setiap jabatan dan sudah tentu mewujudkan suasana persekitaran menarik. Bagi saya, pada tahun ini dianggap bersejarah kerana dilakukan secara berbeza dengan sambutan lebih meriah membabitkan penyertaan menyeluruh kakitangan awam pada semua peringkat berbanding tahun sebelumnya.

Kita mahu amanat Hari Pekerja yang disampaikan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi itu akan menjadi penyuntik semangat kepada semua anggota sektor awam, khususnya ahli Cuepacs di seluruh negara untuk meningkatkan mutu kerja mereka.

? Bagaimana atur cara sambutan Hari Pekerja kali ini

Sambutan pada peringkat Kementerian membabitkan kakitangan sektor awam dan swasta akan diadakan pada 5 Mei ini, yang turut dihadiri Perdana Menteri, di Stadium Bukit Jalil, manakala sambutan peringkat Cuepacs dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) diadakan pada 21 Mei, di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Seramai 3,000 pekerja dari pelbagai peringkat termasuk ketua jabatan di seluruh negara dijangka menghadiri perhimpunan berkenaan. Jika tahun sebelum ini, sambutan hanya di buat di Institut Tadbir Awam Negara (Intan) membabitkan 300 hingga 400 pekerja. Dari segi penghayatan, mungkin ia tidak mencapai tahap 100 peratus.

Justeru tahun ini, kita berharap ia disambut meriah dengan menyemarakkan semangat mereka sebagai pekerja pada semua peringkat kebangsaan dan negeri. Bagi memastikan ia menjadi sambutan penuh bermakna dan mencapai matlamatnya, setiap pengarah dan ketua jabatan di setiap negeri mengatitkan majlis perhimpunan masing-masing selepas peringkat induk di buat. Amanat Perdana Menteri itu dapat diperturunkan pada peringkat negeri.

? Tema sambutan tahun ini iaitu 'Integriti Kunci Pembangunan Negara' dan apa signifikannya dalam keadaan sekarang.

Bagi Cuepacs semangat integriti perlu dipupuk dan diserapkan kepada golongan pekerja di negara ini termasuk di sektor awam. Kita percaya dengan wujud-

Malaysia dengan budaya kerja yang tidak cekap.

? Senario sambutan Hari Pekerja di Malaysia tidak seperti di sesetengah negara Barat, yang kerap tercetus mogok dan rapat umum membantah penindasan oleh majikan atau kerajaan. Apa pendapat Cuepacs.

Bagi sesetengah negara, sambutan Hari Pekerja dibuat penuh meriah dengan perarakan dan mempamerkan sepanduk menyatakan penghayatan mereka terhadap tarikh itu dan pada seluruh peringkat memainkan peranan masing-masing. Bahang kemeriahan itu juga amat dirasakan kerana ia dibuat sepanjang hari. Bagaimanapun, tidak dinafikan sambutan mereka ada kalanya keterlaluan sehingga menimbulkan huru-hara dan kacau-bilau menerusi demonstrasi atau berpiket, di luar kawalan. Ini berlaku kerana mereka beranggapan pada masa itu adalah waktu paling tepat untuk membangkitkan sebarang agenda, tuntutan serta isu yang tidak mendapat perhatian daripada kerajaan.

Semua pemimpin pada setiap peringkat akan berucap menyatakan ketidakpuasan hati masing-masing terhadap majikan dan kerajaan. Malah hubungan antara pekerja dan majikan serta kerajaan tidak begitu baik.

Justeru, Hari Pekerja digunakan peluang sepenuhnya meluahkan segala tuntutan mereka dengan lebih agresif. Malah sambutan mereka dilakukan oleh pekerja saja tanpa penyertaan daripada pihak kerajaan. Namun begitu, Malaysia beruntung kerana sambutan kita dilakukan dengan aman dengan mempamerkan budaya yang terbaik. Pemimpin kesatuan sekerja juga boleh bekerjasama dengan kerajaan. Jalinan mesra antara pekerja, majikan dan kerajaan dapat dilihat dengan sempurna.

Semua tuntutan diadakan dengan perbincangan dan rundingan secara baik antara kerajaan dan pekerja. Ini menunjukkan kelainan dan keunikan tersendiri. Kita mulakan sambutan dengan budaya kita sendiri dan tidak terikut-ikut cara negara Barat yang nampak seperti tidak bertamadun.

? Apakah mesej Cuepacs kepada warga sektor awam sempena Hari Pekerja.

Sempena Hari Pekerja kita berharap semua kakitangan perlu lebih berse-

“Kakitangan perlu lebih bersemangat dan mengorak langkah mewujudkan etika dan budaya kerja lebih cemerlang, produktif dan berdisiplin untuk memastikan matlamat mencapai negara maju lebih cepat. Semua pekerja perlu meningkatkan anjakan paradigma baru”

Omar Osman

Presiden Kongres Kesatuan Pekerja dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs)

mangat dan mengorak langkah ke arah mewujudkan etika dan budaya kerja lebih cemerlang, produktif dan berdisiplin untuk memastikan matlamat ke arah mencapai negara maju lebih cepat. Mesej kita kepada semua pekerja perlu meningkatkan anjakan paradigma baru. Mereka juga mesti mengubah sikap bekerja dengan lebih bersemangat dan cekap, berdisiplin dalam menjalankan tugas serta berkomunikasi secara berkesan.

Justeru, Cuepacs sedang mengorak langkah untuk memastikan semua ahlinya mendapat lebih manfaat menerusi pelbagai tuntutan dari segi semakan gaji, elaun persaraan wajib supaya mereka mempunyai kadar pencen yang selesa.

? Apakah isu yang belum selesai dan masih diperjuangkan Cuepacs bagi memenuhi kebajikan ahlinya.

Sempena sambutan Hari Pekerja, kita ada beberapa perkara untuk kerajaan beri perhatian dan pertimbangan demi kebajikan pekerja. Sekarang keseluruhan kakitangan awam sedang menunggu-nunggu

seakan memberikan satu gambaran positif dan meyakinkan terhadap tuntutan kita.

Bagi tuntutan lain seperti pertambahan jumlah kakitangan, dan sebagainya akan dilakukan pada peringkat kedua nanti. Kita mengharapkan sebagai satu suntikan kepada pekerja untuk bekerja dengan lebih bersemangat. Kita sedang membuat tuntutan supaya kerajaan memberikan cuti dua bulan bergaji penuh kepada mereka yang ingin bersara seperti diamalkan di beberapa negara lain. Ada negara yang memberikan cuti enam bulan bergaji penuh kepada pekerja yang akan bersara.

Kita percaya, dengan ada peruntukan cuti itu, pekerja berkenaan boleh merancang masa depan dan membuat persediaan apa yang akan dilakukan selepas bersara nanti. Pada dasarnya kerajaan bersetuju dan kini sedang menyediakan kerja berkaitan perkara itu dan memorandum akan dihantar sedikit masa lagi.

? Bagaimana Cuepacs melihat peranan pekerja wanita di sektor awam. Adakah sebarang tuntutan dikemukakan khusus membabitkan kebajikan golongan itu.

Dari segi kesamarataan gender, kita melihat pengagihan jawatan termasuk pada peringkat atas dilakukan secara adil. Pada peringkat kakitangan bawahan itu juga peranan mereka amat besar dan menjadi penggerak utama di dalam sektor awam. Setakat ini, kita tidak menerima sebarang aduan bahawa cuti hujung minggu Sabtu dan Ahad yang dilaksanakan itu memberi kesan kepada mutu dan produktiviti kerja di sektor awam. Setiap urusan dapat dilakukan dengan baik.

Pada 20 Mei ini, kita akan mengadakan Konvensyen Wanita Cuepacs bagi membincangkan lagi tuntutan berkaitan hak pekerja wanita antaranya cuti bersalin daripada 60 hari sekarang kepada 90 hari; lanjutan gaji penuh daripada lima anak sekarang kepada tujuh anak dan menaik taraf wad bersalin ke kelas pertama.

Kita akan menghantar memorandum kepada JPA selepas konvensyen berkenaan untuk dipertimbangkan. Bagi saya, tuntutan itu wajar kerana pekerja wanita turut memberi sumbangan besar kepada negara. Kita percaya dengan tuntutan itu tidak memberikan kesan kepada penurunan produktiviti kerja kerana pekerja lelaki di sektor awam lebih ramai berbanding wanita.